



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perpustakaan Negara (Pindaan) 1986
DR.16/1986

D.R. No. 16/86

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perpustakaan Negara 1972.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1986 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 2 Akta Perpustakaan Negara 1972, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda dengan menggantikannya dengan seksyen 2 yang berikut: Pindaan seksyen 2. Akta 80.

“Tafsiran. 2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bangunan Perpustakaan” ertinya mana-mana bangunan atau premis yang menjadi sebahagian daripada Perpustakaan atau yang digunakan olehnya dan mana-mana bangunan atau premis yang dipajak atau disewa buat

sementara atau selainnya oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sesuatu Negeri bagi maksud Perpustakaan dan termasuklah mana-mana kenderaan atau vesel yang digunakan dalam mana-mana perpustakaan bergerak yang menjadi sebahagian daripada Perpustakaan;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Perpustakaan Negara yang dilantik di bawah seksyen 4 (1);

“koleksi” ertinya sumber-sumber perpustakaan yang dikumpulkan dan diselenggarakan di dalam Perpustakaan;

“Kumpulanwang” ertinya Kumpulanwang Perpustakaan Negara yang ditubuhkan menurut seksyen 7 (1);

“Lembaga” ertinya Lembaga Penasihat yang ditubuhkan menurut seksyen 5;

“Menteri” ertinya Menteri yang ditugaskan dengan tanggungjawab bagi perpustakaan;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga Penasihat yang dilantik di bawah seksyen 5 (2) (a);

“Perpustakaan” ertinya Perpustakaan Negara yang ditubuhkan menurut seksyen 3;

“sumber-sumber perpustakaan” ertinya apa-apa bentuk perkara bertulis, bercetak atau grafik yang di atas atau di dalamnya maklumat ditulis, direkod, disimpan, dipamer atau dikeluarkan ulang, termasuk manuskrip, naskah taip, buku, akhbar, majalah berkala, risalah, peta, mikroform, kertas musik, fotograf, filem sinematografi, piring hitam, rakaman video dan audio dan lain-lain rakaman pada kertas, filem atau lain-lain bahan dan pengeluaran ulangnya;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Akta ini mula berkuatkuasa.”.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Bahagian II dengan Bahagian II yang berikut: Pindaan
Bahagian II.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN PENGURUSAN PERPUSTAKAAN NEGARA

**Penubuhan
Perpustakaan
Negara.** 3. Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Perpustakaan Negara Malaysia (kemudian daripada ini disebut "Perpustakaan") dengan maksud-maksud dan tujuan-tujuan yang berikut:

- (a) menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- (b) memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber-sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negeri; dan
- (c) mengadakan kepimpinan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.

**Pengurusan
dan
pengawasan
Perpustakaan
Negara oleh
Ketua
Pengarah
dan kuasa-
kuasa Ketua
Pengarah** 4. (1) Perpustakaan hendaklah diuruskan dan dikawal oleh Ketua Pengarah yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai tugas-tugas yang berikut:

- (a) menasihatkan Menteri atas polisi negara bagi segala perkara berkenaan dengan perpustakaan dan segala perkara lain yang berhubungan dengan perpustakaan;
- (b) menasihatkan dan membantu dalam perancangan dan perkembangan perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- (c) memperolehi dan menyelenggarakan suatu koleksi sumber-sumber perpustakaan yang lengkap di peringkat kebangsaan yang mencerminkan warisan intelektual, kesusasteraan dan kebudayaan negara dan juga suatu koleksi representatif di peringkat

kebangsaan yang mencerminkan pengetahuan dan kebijaksanaan manusia yang terkumpul;

(d) menubuhkan di dalam Perpustakaan—

(i) Pusat Penyerahan Negara untuk simpanan dan pemeliharaan sumber-sumber perpustakaan yang diterima;

(ii) Pusat Bibliografi Negara untuk penyelenggaraan rangkaian bibliografi kebangsaan, pangkalan data bibliografi kebangsaan dan penyediaan perkhidmatan bibliografi dan dokumentasi kebangsaan;

(iii) Pusat Kebangsaan bagi manuskrip Melayu untuk perolehan, pendokumentasian dan penggunaan manuskrip-manuskrip Melayu;

(e) menyediakan perkhidmatan rujukan, maklumat, perujukan, reprografi dan pinjaman;

(f) menyediakan kemudahan-kemudahan di dalam Perpustakaan untuk membolehkannya berfungsi sebagai—

(i) titik tumpuan negara bagi sistem maklumat negara;

(ii) pusat kebangsaan bagi pinjaman dan pertukaran sumber-sumber perpustakaan untuk menggalakkan ketersediaan terbitan-terbitan di peringkat kebangsaan dan sejagat;

(g) menggalakkan dan menyelaraskan perkembangan dan penggunaan sumber-sumber perpustakaan di negara ini;

- (h) menggalakkan dan memudahkan penubuhan sistem perpustakaan awam seluruh negara selaras dengan piawai-piawai kebangsaan bagi mengadakannya;
- (i) menggalakkan penubuhan suatu rangkaian perpustakaan khusus selaras dengan piawai-piawai kebangsaan bagi mengadakannya;
- (j) menggalakkan dan memudahkan kerjasama kebangsaan dan antara-bangsa dan perkongsian sumber di antara perpustakaan;
- (k) berusaha dan memudahkan penyelidikan dalam perkara-perkara mengenai perpustakaan;
- (l) menyediakan latihan untuk meningkatkan profesionalisme dalam perkara-perkara perpustakaan;
- (m) menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca;
- (n) bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan untuk menggalakkan dan meningkatkan penggunaan dan perkembangan Bahasa Malaysia;
- (o) bekerjasama dengan badan-badan ikhtisas dan lain-lain badan di peringkat kebangsaan dan antara-bangsa bagi perkembangan perpustakaan;
- (p) meminjamkan, menjual atau secara lain melupuskan sumber-sumber perpustakaan yang menjadi sebahagian daripada Perpustakaan;
- (q) melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan perlu untuk melaksanakan tujuan-tujuan yang tersebut dalam seksyen 3.

(3) Maka hendaklah dilantik dari semasa ke semasa pegawai-pegawai sebagaimana yang perlu atau didapati mustahak bagi maksud Akta ini.”.

Pindaan
seksyen 5.

4. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan seksyen-kecil (2) (d) dengan yang berikut:

“(d) tidak kurang daripada empat dan tidak lebih daripada tujuh orang ahli lain yang dilantik oleh Menteri.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas seksyen-kecil (5), seksyen-kecil (5A) yang berikut:

“(5A) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan perlantikan Pengerusi atau mana-mana ahli Lembaga yang dilantik di bawah seksyen-kecil (2) (d).”.

Pindaan
seksyen 6.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen 6 yang berikut:

“Mesyuarat
Lembaga.

6. (1) Lembaga hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi dan empat orang ahli Lembaga adalah mencukupi kuorum.

(3) Lembaga boleh membuat kaedah-kaedahnya sendiri yang menentukan prosedur mesyuaratnya dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya.”.

Pindaan
seksyen 13.

6. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan “lebehan” yang terdapat dalam baris pertama seksyen itu.

Pindaan
seksyen 14.

7. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan (a) yang berikut:

“(a) pengurusan dan pengawasan am Perpustakaan;”;

(b) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan (c) yang berikut:

“(c) menahan masuk atau mengeluarkan dari Perpustakaan atau bangunan-bangunan Perpustakaan orang-orang yang didapati

telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;”;

(c) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan (d) yang berikut:

“(d) jumlah denda yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah kerana kerosakan, kehilangan atau kelewatan mengembalikan sumber-sumber perpustakaan yang dipinjam dan dikenakan dengan menepikan atau memulangkan balik denda-denda itu;”;

(d) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan (e) yang berikut:

“(e) bayaran yang akan dikenakan oleh Ketua Pengarah kerana memberi perkhidmatan maklumat atau kerana membuat dan memperakui salinan-salinan mengenai mana-mana sumber perpustakaan dan dikenakan dengan pengecualian dari menjelaskan sepenuhnya atau sebahagian daripada bayaran itu.”.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Pindaan.
perkataan “bahan” dalam proviso kepada seksyen 13 dan perkataan “bahan²” dalam seksyen 9 (1) (c) dan 13 masing-masing dengan perkataan-perkataan “sumber” dan “sumber-sumber”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perpustakaan Negara 1972.

2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta ibu.

Definisi bagi istilah “sumber-sumber perpustakaan” telah digunakan sebagai pilihan yang mengatasi istilah “bahan-bahan perpustakaan” (dalam seksyen 2 yang ada) kerana istilah itu dikehendaki supaya jauh lebih luas skopnya.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda Bahagian II Akta ibu.

Seksyen 3 dan 4 yang dicadangkan akan membayangkan dengan lebih terang tujuan-tujuan dan fungsi-fungsi Perpustakaan Negara, yang akan berfungsi sebagai tunjang utama bagi sistem perpustakaan dan maklumat negara dan juga bagi pinjaman dan pertukaran sumber-sumber perpustakaan.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 5 Akta ibu untuk menambahkan bilangan ahli-ahli lain yang dilantik oleh Menteri dan memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan perantikan Pengerusi atau mana-mana ahli.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 6 Akta ibu untuk memastikan yang Lembaga akan bermesyuarat sekurang-kurangnya setahun sekali untuk membincangkan isu-isu penting berkaitan dengan Perpustakaan.

6. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebutkan dengan khususnya adalah berupa pindaan-pindaan yang berbangkit atau kecil sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1289.]